

Majikan swasta tidak beri cuti raya dibidas

MARANG: Kementerian Sumber Manusia menyelar majikan swasta yang terlalu berkeras dan berpegang dengan keputusan syarikat serta tidak mahu berkompromi dengan pekerja dalam soal cuti perayaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar, berkata pihaknya menerima banyak aduan serta rungutan daripada pe-

kerja mengenai majikan yang gagal memutuskan cuti raya lebih awal.

Katanya, kebanyakan majikan swasta sukar untuk memberikan pelepasan cuti sama seperti keputusan yang dikeluarkan kerajaan.

"Mereka terlalu berkeras dan berpegang dengan keputusan serta mengikut cara sendiri sehingga menimbulkan kesulitan kepada pekerja.

"Walaupun tidak ada peraturan

khusus berhubung cuti perayaan, sewajarnya majikan perlu lebih prihatin kebajikan pekerja mereka," katanya selepas Majlis Penyampaian Cek Bantuan Peralihan Penanam Tembakau di sini, semalam.

Beliau berkata, banyak rungutan diterima berhubung pekerja yang belum mengetahui status cuti mereka kerana belum diberikan kelulusan pelepasan majikan masing-masing.

"Walaupun tidak ada peraturan khusus berhubung cuti perayaan, majikan perlu lebih prihatin kebajikan pekerja"

Abdul Rahman Bakar
Timbalan Menteri Sumber Manusia

"Tindakan itu menyebabkan pekerja mempunyai masalah merancang cuti pada musim perayaan ini.

"Walaupun pekerja sudah memohon lebih awal, tindakan majikan yang berkeras dan berpegang dengan keputusan syarikat menimbulkan masalah kepada mereka," katanya.

Abdul Rahman berkata, ada kira-kira 578,000 majikan syarikat dan agensi swasta di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, kira-kira 10 juta rakyat Malaysia yang bekerja dengan mereka dan jumlah itu lebih tinggi daripada pekerja jabatan kerajaan.

"Jadi, jika majikan sukar memberikan pelepasan cuti lebih awal atau mengikut garis panduan yang ditetapkan kerajaan, ia menimbulkan banyak masalah termasuk berlaku kesesakan jalan," katanya.